

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bidang perubatan merupakan salah satu daripada tuntutan fardu kifayah sama ada secara moden mahupun tradisional. Perubatan dianggap sebagai usaha untuk meningkatkan tahap kesihatan dan mengembalikan kesihatan yang baik seperti sedia kala atau membaikkan sedikit demi sedikit walaupun bukan sepenuhnya. Perubatan merangkumi pelbagai amalan penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit bagi mengekalkan tahap kesihatan individu atau masyarakat.

Perubatan moden merupakan perubatan yang meliputi pengetahuan sains yang berkaitan dengan biologi dengan mengamalkan kaedah diagnosis, rawatan, dan pencegahan sesuatu penyakit. Pengamal perubatan moden dikenali sebagai doktor. Setiap pesakit akan didiagnosis untuk mengetahui penyakit dan punca juga kaedah rawatan yang sesuai dengan menggunakan teknologi atau ubat yang disediakan dalam bentuk pil, kapsul atau cecair (Munirah Abd Razzak, et al., 2018).

Manakala perubatan tradisional pula merupakan amalan, pendekatan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap kesihatan yang melibatkan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ubat-ubatan berasaskan mineral, terapi-terapi spiritual, teknik-teknik manual dan senaman, yang diaplikasikan secara khusus mahupun gabungan bagi merawat, diagnosis serta mencegah penyakit dan mengekalkan kesihatan. Antara perubatan tradisional yang diiktiraf di Malaysia oleh Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK) adalah seperti Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan

Tradisional Cina, Perubatan Tradisional India dan lain-lain (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011).

Menurut Arba'iyah Mohd Noor (2014), jika dilihat menerusi beberapa buah karya pensejarahan Melayu, khidmat pengamal perubatan tradisional telah digunakan dalam merawat pelbagai penyakit yang dialami oleh masyarakat tempatan terutamanya golongan diraja. Beberapa istilah yang digunakan bagi merujuk kepada pengamal perubatan tradisional iaitu tabib, pawang, bomoh dan dukun. Sehingga kini, sebahagian masyarakat masih mengamalkan perubatan tradisional sepenuhnya seperti masyarakat orang asli. Terdapat juga masyarakat yang menggunakan kedua-dua kaedah dalam usaha merawat sesuatu penyakit. Jenis perubatan yang dipilih adalah mengikut tahap pengetahuan, suasana sekeliling dan kepercayaan sesuatu masyarakat.

Selain daripada istilah perubatan moden dan perubatan tradisional, terdapat satu lagi bentuk kaedah perubatan yang dikenali sebagai perubatan alternatif. Perubatan alternatif ini mempunyai pelbagai pendekatan dan salah satu daripadanya adalah dengan pendekatan berteraskan Islam yang secara spesifik menjadikan bacaan ayat al-Quran sebagai salah satu kaedah merawat penyakit yang bersifat kerohanian mahupun jasmani. Pusat-pusat rawatan seperti ini turut masyhur dikenali sebagai 'Perubatan Islam', 'Pengubatan Islam' atau 'Rawatan Islam' dan juga 'Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam'. Menurut Khadher, A. & Farhan, M. A. (2013), perubatan ini adalah pendekatan rawatan alternatif selepas rawatan moden melalui hospital, klinik atau pusat kesihatan. Pada tahun 2015, dianggarkan terdapat lebih 200 pusat rawatan alternatif Islam (*Islamic Alternative Medicine*) di seluruh Malaysia telah

berdaftar di bawah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (Farhan, M. A. et al., 2016).¹

Menurut Azizan Baharuddin dalam Khadher, A. & Farhan, M. A. (2013), pengubatan Islam adalah satu sistem pengubatan yang telah dikonsepskan dan dibina oleh orang-orang Islam berbagai bangsa dan kumpulan etnik dari permulaan zaman Islam sehingga sekarang. Perubatan Islam ini berasaskan kepada prinsip daripada ajaran agama Islam sendiri. Beliau turut memetik pandangan Roland Werner (1983) yang menyatakan bahawa pengubatan Islam merupakan percubaan cendekiawan Muslim untuk menangani masalah penyakit dan kesihatan yang selari dengan pandangan bahawa Tuhan, manusia, alam dan masyarakat sering berkaitan antara satu sama lain dengan cara yang harmoni. Bahkan, pengubatan Islam juga merupakan satu manifestasi budaya Islam yang terbaik dalam aspek spiritual, moral dan nilai etikanya.

Melalui kajian ini, pengkaji cenderung menggunakan istilah ‘pengubatan Islam’ untuk merujuk maksud perubatan alternatif berteraskan Islam untuk rawatan penyakit yang bersifat spiritual mahupun fizikal. Hal ini demikian, bagi membezakan maksud dengan perubatan Islam yang meliputi setiap jenis perubatan yang terdapat di dunia yang selari dengan syariat Islam dan tidak terbatas hanya pada penggunaan ayat al-Quran dan al-Sunnah. Manakala maksud pengubatan Islam adalah lebih khusus terhadap kaedah rawatan yang bersandar pada al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, istilah ‘pengubatan Islam’ akan digunakan dalam Pengkajian kajian ini.

¹ Data terkini menurut Mohd Isa Abdullah (2022), setakat ini (5 Oktober 2022) seramai 619 orang pengamal yang telah berdaftar dengan PTK, KKM.

1.2 Latar Belakang Kajian

Allah SWT telah menjanjikan bahawa Al-Quran itu sebagai penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَنُنزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَرْيَدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Maksudnya: “Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.”

(Al-Qur’an. Al-Isrā’ 17:82)

Rasulullah SAW juga mendorong umat Islam supaya berikhtiar dalam mengubati sesuatu penyakit dan melarang untuk berubat dengan perkara-perkara yang haram. Imam Abu Daud meriwayatkan hadith seperti berikut:

عن أبي الدرداء عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Maksudnya: Daripada Abi Darda’ R.A, bahawa Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT telah menurunkan penyakit dan ubat dan menjadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda yang haram.”

(Hadith. Sunan Abu Da’ud: Kitāb al-ṭibb: Bāb fī al-adwiyah al-maqrūhah
Jil29:#3874)

Kedua-dua dalil daripada al-Quran dan hadith ini menunjukkan bahawa setiap penyakit ada ubatnya dan setiap manusia harus berusaha untuk mengubati sesuatu penyakit yang dihidapi. Antara bahan yang haram digunakan dalam perubatan adalah seperti najis, arak, racun dan lain-lain. Akan tetapi terdapat sebahagian bahan-bahan tersebut hanya boleh digunakan dalam keadaan darurat seperti arak dan lain-lain.

Manakala, amalan-amalan yang menyalahi ajaran Islam seperti amalan khurafat (cerita dusta), tahyul (rekaan) dan sebagainya yang membawa kepada syirik (menyekutukan Allah).

Secara asasnya perubatan yang menepati kehendak Islam adalah dianggap perubatan Islam. Perubatan Islam seharusnya mengikut konsep, prinsip dan ciri-ciri perubatan sebagai seorang Muslim. Segala kaedah perubatan yang bertentangan dengan ilmu wahyu tidak boleh dianggap sebagai perubatan Islam. Seharusnya, konsep dan pengertian kepada perubatan Islam begitu luas dan menyeluruh sesuai dengan sifat *syumuliah* iaitu lengkap dan menyeluruh bagi agama Islam. Secara jelas *Tibb al-Nabawi* adalah sebahagian daripada perubatan Islam, termasuklah sumber-sumber pemikiran sarjana Islam terdahulu seperti Ibn Sina, Fakhruddin al-Razi dan lain-lain (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

Perubatan Islam boleh merangkumi perubatan Arab atau tradisional sebelum kedatangan Islam, perubatan daripada tamadun dunia yang lain seperti tamadun Yunani bahkan perubatan moden dan saintifik pada hari ini juga boleh disandarkan kepada perubatan Islam sekiranya menepati cara dan kaedah yang dibenarkan syarak. Bahkan kemajuan dan perkembangan dunia perubatan moden kini juga tidak dapat lari daripada sumbangan pemikiran sarjana Islam lampau. Menurut Ahmad Najaa', M. et al., (2018), perubatan Islam tidak terbatas dengan sesuatu masa atau sesuatu tempat, tidak juga terhadap kepada mana-mana sistem perubatan tertentu, tidak terhad kepada perubatan Rasulullah SAW atau *Tibb al-Nabawi*.

Sistem perubatan alopati, homeopati dan lain-lain juga adalah termasuk dalam perubatan Islam sekiranya selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Ahmad Najaa', M. et al., (2018), tidak benar sekiranya terdapat anggapan bahawa perubatan

Islam hanya yang berkaitan dengan perubatan spiritual yang menumpukan kepada *ruqyah*, doa dan zikir sahaja.

Sesuai dengan ajaran Islam yang mengikut sumber al-Quran dan al-Hadith sebagai cara hidup manusia dalam setiap aspek kehidupan, Islam tidak memisahkan antara sains dan agama sepertimana tatacara kehidupan yang diamalkan di Barat. Menurut Rosmizam (2009), al-Quran dan Rasulullah SAW menganjurkan kehidupan dengan mengamalkan pemakanan yang sihat serta melarang sesuatu yang boleh membawa kebinasaan kepada tubuh badan seperti pengambilan arak, dadah, rokok dan apa-apa makanan dan minuman yang di ambil secara berlebihan atau dengan cara yang salah. Manakala makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran pula digalakkan untuk pemakanan yang berkhasiat.

Walaupun al-Quran bukan kitab khusus tentang perubatan tetapi al-Quran telah menggariskan kaedah perubatan tertentu seperti membicarakan beberapa jenis penyakit khususnya penyakit hati yang boleh membawa kepada penyakit jiwa dan fizikal sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti gangguan syaitan dan lain-lain. Sepertimana Islam mementingkan penjagaan kesihatan begitu juga Islam mementingkan sudut kaedah perubatan itu sendiri. Perubatan Islam yang menjadi amalan setiap pusat rawatan Islam di Malaysia hendaklah mengikut disiplin kerangka kaedah perubatan Islam.

Adapun penyakit yang bersifat spiritual sememangnya telah diberikan panduan untuk mengubatinnya dengan kaedah *ruqyah* (doa). Hal ini terbukti apabila Rasulullah SAW juga pernah disihir oleh Labid bin al-A'sam. Sebagaimana hadith Nabi SAW:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا . قَالَتْ سَحَرَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ مِنْ بَنِي زُرَيْقٍ يُقَالُ لَهُ لَبِيدُ بْنُ الْأَعْصَمِ، حَتَّى كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْيِلُ إِلَيْهِ أَنَّهُ يَفْعَلُ الشَّيْءَ وَمَا فَعَلَهُ، حَتَّى إِذَا كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ أَوْ ذَاتَ لَيْلَةٍ وَهُوَ عِنْدِي لَكِنِّي دَعَا وَدَعَا ثُمَّ قَالَ " يَا عَائِشَةُ، أَسْعَرَتِ أَنَّ اللَّهَ أَفْتَانِي فِيمَا اسْتَفْتَيْتُهُ فِيهِ، أَتَانِي رَجُلَانِ فَقَعَدَا أَحَدُهُمَا عِنْدَ رَأْسِي، وَالْآخَرُ عِنْدَ رِجْلِي، فَقَالَ أَحَدُهُمَا لِصَاحِبِهِ مَا وَجَعَ الرَّجُلِ فَقَالَ مَطْبُوبٌ. قَالَ مَنْ طَبَّهُ قَالَ لَبِيدُ بْنُ الْأَعْصَمِ. قَالَ فِي أَيِّ شَيْءٍ قَالَ فِي مُشْطٍ وَمُشَاطَةٍ، وَجَفَّ طَلْعَ نَخْلَةٍ ذَكَرٍ. قَالَ وَأَيْنَ هُوَ قَالَ فِي بَيْتِ ذُرَّوَانَ ". فَأَتَاهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي نَاسٍ مِنْ أَصْحَابِهِ فَجَاءَ فَقَالَ " يَا عَائِشَةُ كَأَنَّ مَاءَهَا نُفَاعَةُ الْحَيَاءِ، أَوْ كَأَنَّ رُءُوسَ نَخْلِهَا رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ ". فُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا أَسْتَحْرِجُهُ قَالَ " قَدْ عَافَانِي اللَّهُ، فَكَرِهْتُ أَنْ أَتَوَّرَ عَلَى النَّاسِ فِيهِ شَرًّا ". فَأَمَرَ بِهَا فُدْفِنَتْ. تَابَعَهُ أَبُو أُسَامَةَ وَأَبُو ضَمْرَةَ وَابْنُ أَبِي الزِّنَادِ عَنْ هِشَامٍ. وَقَالَ اللَّيْثُ وَابْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ هِشَامٍ فِي مُشْطٍ وَمُشَاقَةٍ. يُقَالُ الْمُشَاطَةُ مَا يُخْرَجُ مِنَ الشَّعْرِ إِذَا مُشِطَ، وَالْمُشَاقَةُ مِنَ مُشَاقَةِ الْكُتَّانِ.

Maksudnya: “Rasulullah SAW telah disihir oleh seorang lelaki dari Bani Zuraiq yang bernama Labid bin al-A’sam sehingga baginda berasa khayal melakukan sesuatu perkara, padahal baginda tidak melakukannya. Hinggalah pada suatu hari atau suatu malam ketika berada di sisiku baginda berdoa dan terus berdoa. Kemudian Nabi SAW: “Wahai ‘Aishah, apakah engkau merasakan bahawa Allah SWT telah mendatangkan fatwa ketika aku benar-benar memerlukannya? Telah datang kepadaku dua orang lelaki, lalu salah seorang daripadanya duduk berhampiran kepalaku, dan seorang lagi berhampiran kakiku”. Berkata lelaki yang berada berhampiran kepala kepada temannya yang berada berhampiran kakinya: “Apakah penyakit lelaki ini?”. Lalu dijawab: “Terkena sihir”. Berkata lagi: “Siapa yang menyihirnya”, lalu dijawab: “Labid bin al-A’sam. Berkata lagi: “Dengan (bahan) apa (disihir)?”, lalu dijawab: “Pada sikat dan rambut, dan kemudian dibungkus dengan seludang tamar jantan muda”. (Lelaki itu) bertanya lagi: “Dimana letaknya benda itu”. Lalu dijawab: “Di dalam telaga Dharwan”. Maka Rasulullah SAW mendatangi telaga itu bersama dengan beberapa orang sahabat baginda. (Setelah kembali) Nabi SAW berkata: “Wahai ‘Aishah, telaga yang aku lihat itu airnya berwarna merah-kemerahan seperti inai. Rupa pohon tamar itu seperti kepala-kepala syaitan”. Aku (‘Aishah) bertanya: “Ya Rasulullah, kenapa tidak dikeluarkan sahaja benda itu?”. Baginda menjawab: “Jangan! Allah telah menyembuhkan daku. Aku tidak suka mengenakan kejahatan seperti ini ke atas orang lain”. Lalu baginda menyuruh agar ditimbus bahan-bahan sihir dalam telaga itu”.

(Hadith. Al-Bukhāriy. Kitāb al-ṭibb: Bāb al-siḥr: Juz’7:#5763)

Seterusnya, Nabi SAW juga mengajarkan beberapa surah sebagai amalan perlindungan daripada syaitan. Antaranya ialah sebagaimana hadith berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "لَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ مَقَابِرَ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْفِرُ مِنَ الْبَيْتِ الَّذِي تُقْرَأُ فِيهِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ".

Maksudnya: Daripada Abu Huraira R.A, Nabi SAW bersabda; “Jangan kamu jadikan rumah kamu seperti kubur. Sesungguhnya syaitan lari dari rumah yang dibacakan surah al-Baqarah di dalamnya”.

(Hadith. Ṣaḥīḥ Muslim. Kitāb solah al-musāfirin wa qasryha: Bāb istiḥbab solah an nafilati fi baitihi wa jawaziha fi al-masjid Juz’6:#780)

Sehubungan itu, kaedah dan konsep tersebut dapat difahami sebagai ‘pengubatan Islam’ yang mengikuti tradisi amalan turun temurun berasal daripada Rasulullah SAW berdasarkan al-Quran dan Sunnah masih kekal relevan untuk dipraktikkan sehingga abad ini kerana hakikatnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi umat manusia. Sebagaimana firman Allah SWT:

أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَا بَنِي آدَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Maksudnya: “Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam, supaya kamu jangan menyembah Syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang nyata terhadap kamu!”

(Al-Qur’an. Yā-Sīn 36: 60)

Demikian, jin dan syaitan juga akan mengganggu manusia daripada pelbagai aspek melalui fizikal, mental, emosi dan lain-lain. Sebagaimana Allah SWT menyebut kisah Nabi Ayub dalam al-Quran:

وَأذْكُرْ عَبْدَنَا أَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُ أَيُّ مَسَّنِي الشَّيْطَانُ بِضَبٍِّ وَعَذَابٍ

Maksudnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba Kami: Nabi Ayub ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: " Sesungguhnya aku diganggu oleh Syaitan dengan (hasutannya semasa aku ditimpa) kesusahan dan azab seksa (penyakit)"

(Al-Qur'an, Sād 38:41)

Oleh yang demikian, dalil tersebut membuktikan bahawa jin dan syaitan boleh mengakibatkan seseorang mengalami sesuatu penyakit, khususnya penyakit spiritual yang menjadi fokus utama pengamal pengubatan Islam dalam merawat pesakit.

Kaedah pengubatan Islam kekal relevan dalam kehidupan masyarakat yang serba moden pada hari ini. Hal ini kerana, peranan pengubatan Islam sangat penting sebagai rawatan alternatif sekiranya pihak hospital dan klinik tidak dapat merawat beberapa penyakit tertentu dan menjadi sumber rujukan masyarakat dalam usaha mengubati penyakit spiritual seperti gangguan makhluk halus (Farhan, M. A. et al., 2017). Selain itu, pengubatan Islam juga menjadi kepentingan kepada masyarakat khususnya umat Islam yang melihat pusat pengubatan Islam sebagai tempat untuk merawat penyakit mistik iaitu penyakit yang pelik dan tidak dapat ketahui secara saintifik dan jelas berkenaan sebab dan punca penyakit tersebut.

Fenomena pusat rawatan Islam yang menggunakan label 'Islam' adalah mudah untuk mendapat kepercayaan masyarakat awam (Ahmad Najaa', M. et al., 2018). Oleh kerana mudah mendapat kepercayaan masyarakat Islam, berlaku manipulasi oleh sebahagian pengamal pengubatan yang tidak bertanggungjawab. Mereka telah mencampuradukkan elemen khurafat (perkara tahyul) dalam mengubati pesakit disebabkan kurangnya didikan agama, salah faham tentang agama, kepercayaan

kepada perbomohan, perkara ajaib dan sakti (Fadzli Adam et al., 2014). Lalu, secara sedar ataupun tidak sedar perkara tersebut telah membawa kesan kepada masyarakat iaitu pesakit yang datang untuk menerima rawatan secara tidak langsung terlibat dengan amalan yang bercanggah dengan lunas-lunas Islam daripada aspek akidah dan syariah.

Mohd Afifuddin dalam Khadher, A. & Farhan, M. A. (2013), menyatakan bahawa perkembangan pengubatan Islam di Malaysia berlaku sejak zaman sebelum penghujung tahun 1800 sehingga sekarang. Namun, pengubatan tersebut sering bercampur aduk dengan kaedah rawatan persilatan dan perbomohan. Menurut beliau, kenyataan ini ada kebenarannya berdasarkan kajian perkembangan rawatan alternatif Islam di Malaysia dan kaitannya dengan rawatan tradisional. Bahkan, terdapat sebahagian pengamal pengubatan Islam terdiri dalam kalangan pengamal pengubatan tradisional Melayu.

Lantaran itu, kaedah rawatan pawang dan bomoh tanpa disedari telah meresap ke dalam amalan pengubatan Islam dan telah digunapakai oleh sesetengah pengamal pengubatan Islam. Terdapat golongan pengamal pengubatan Islam yang sengaja melakukan perkara yang mereka sebutkan sebagai usaha mengislamkan kaedah rawatan pawang dan bomoh dengan cara yang mudah. Sebagai contoh, belajar kaedah rawatan daripada pawang dan bomoh secara langsung, kemudian bacaan jampi serapah dalam bahasa Melayu atau Jawa ditukar dengan bacaan *ruqyah* (Ahmad Najaa', M. et al., 2018).

Menurut Khadher, A. & Ishak, S. (2011), antara aspek yang sering mendapat perhatian dan kritikan terhadap kaedah rawatan yang dijalankan di pusat-pusat rawatan Islam adalah kaedah mengimbas (*scan*), rawatan jarak jauh, jampi, pukulan,

minum dan mandi air jampi serta lain-lain lagi. Kaedah-kaedah rawatan tersebut dijalankan bagi mengubati pesakit yang mendakwa dirinya telah disihir atau diganggu oleh makhluk halus.

Bahkan, menurut Willian Shaw dalam karyanya yang berjudul *Aspects of Malaysian Magic* (1975), menyatakan sebahagian masyarakat Malaysia masih percaya bahawa mereka telah menjadi mangsa ilmu hitam juga sering mencari jalan untuk mendapatkan rawatan di samping ‘memulangkannya’ kepada tuannya. Perkara ini boleh mendatangkan syirik dan mengakibatkan dosa besar. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah An-Nisā’:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.

(Al-Qur’an. An-Nisā’ 4:48)

Maka, pengamal penguobatan Islam yang tidak bertanggungjawab dan amanah dalam ilmu serta tidak mendalami ilmu penguobatan Islam yang sebenar telah mengamalkan perkara-perkara yang bercanggah dengan lunas-lunas Islam, akidah dan syariat sehingga mereka terjerumus dalam perkara-perkara syirik sama ada secara sedar ataupun tidak sedar (Ahmad Najaa’ et al., 2018).

Pengamal penguobatan Islam adalah individu yang mengamalkan amalan penguobatan Islam bagi menyembuhkan penyakit sama ada spiritual mahupun fizikal (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011). Oleh itu, individu seperti ini akan memberi

ancaman besar terhadap aspek akidah (Ahmad Najaa', M. et al., 2018) bukan hanya kepada dirinya sendiri, bahkan kepada pesakit yang ingin mendapatkan rawatan daripada pengamal tersebut sekiranya pengamalan yang dilakukan adalah menyeleweng daripada syariat Islam.

Menurut Fadzli Adam et al., (2014) menyatakan bahawa sebahagian masyarakat Malaysia masih lagi mempercayai dan mengamalkan amalan khurafat dan tahyul. Mereka berterusan mendapatkan khidmat bomoh atau dukun. Hal ini kerana dalam masyarakat Melayu, bomoh mempunyai pengaruh dan kedudukan yang penting dalam menyelesaikan krisis masyarakat. Hal ini dapat dilihat sejak tahun 1993 melalui kronologi kes pembunuhan tragik terhadap wakil rakyat di Batu Talam yang melibatkan kepercayaan khurafat bahawa tangkal menjamin kedudukan beliau dalam politik. Kesalahan telah disabitkan oleh Mahkamah Tinggi Temerloh keatas Juraimi iaitu pembantu kepada sepasang suami isteri, Mona Fandey dan Affandi Abdul Rahman yang dikenali sebagai bomoh terhebat pada ketika itu (Mahyuddin Ismail, 2011).

Statistik menunjukkan amalan syirik dan khurafat dalam kalangan masyarakat masih tinggi. Perkara ini dibuktikan melalui tinjauan di 45 buah pusat rawatan daripada 90 buah pusat rawatan Darussyifa' di seluruh negara pada tahun 2019 oleh Ketua Lajnah Penyelidikan dan Pembangunan Darussyifa' Malaysia, Abdul Rashid Mat Amin. Secara keseluruhan, 94,000 orang pesakit menerima rawatan dan kira-kira 44,000 orang pesakit berkaitan kerohanian termasuk akibat disihir mendapatkan rawatan di Pusat Rawatan Darussyifa' (Asyikin Mat Hayin, 2021).

Tambahan pula, masih terdapat sebahagian pengamal pengubatan di beberapa pusat rawatan mengamalkan amalan yang bercanggah dengan akidah dan syariah iaitu

menggunakan kaedah rawatan yang dilakukan oleh pawang dan bomoh. Sebagai contoh, amalan menyeru dan minta pertolongan makhluk ghaib, menggunakan kemenyan bagi mendapatkan asap untuk melakukan proses rawatan (Farhan, M. A. et al., 2013), menggunakan jampi-jampi yang dicampur aduk antara ayat-ayat al-Quran dengan jampi dan mantera yang tidak difahami dan sebagainya (Munirah Abd Razzak, et al., 2019). Walau bagaimanapun, pengamal tersebut masih mendakwa bahawa kaedah rawatan yang dijalankan itu adalah berlandaskan syariat Islam. Hal ini perlu diperhalusi kerana dibimbangi menjadi pintu kepada tipu daya syaitan.

Kajian Farhan, M. A. et al., (2013) dan Ahmad Najaa', M. et al., (2018) menyatakan bahawa beberapa pusat pengubatan Islam telah mengamalkan amalan khurafat dan tahyul seperti penggunaan jampi serapah, tangkal azimat, sihir, menghadirkan roh, berdamping dengan jin dan bantuan pengantara supaya hajat dikabulkan, melakukan tilikan, puja hajat, pengeras dan lain-lain.

Dalam pada itu, terdapat juga pengamal pengubatan yang terkait dengan pemasalahan daripada segi moral atau akhlak. Sepertimana kes yang berlaku pada Jun 2022, seorang lelaki yang berusia 60-an yang terkenal di Melaka sebagai pengasas pusat perubatan Islam jarak jauh ditahan selepas disyaki berkhawat dengan pekerjaanya dalam sebuah rumah. Menurut laporan Yaacob (2022), kes disiasat mengikut Seksyen 53 (1) dan (2) Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 kerana bersekedudukan sehingga mendatangkan syak.

Pada Oktober 2021, seorang pengamal pengubatan berusia 67 tahun yang dikenali sebagai Ayah Su telah ditahan atas dakwaan merogol seorang wanita berusia 23 tahun ketika mendapatkan rawatan selepas pengamal tersebut meyakinkan bahawa

mangsa mengalami gangguan makhluk halus. Kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan, kesalahan jenayah rogol (Faizal Ghazali, 2021).

Selain itu, menurut laporan Idris (2021), kes cabul remaja perempuan berusia 15 tahun pada Ogos 2021 oleh seorang lelaki berusia 39 tahun yang berasal dari Perlis dan dikenali sebagai 'ustaz' juga mendakwa dirinya sebagai pengamal perubatan di Pasir Tumbuh. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 14(1) (d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak.

Seterusnya, seorang pengamal perubatan Islam juga yang bergelar 'ustaz' berusia 52 tahun telah ditangkap selepas disyaki mencabul seorang pesakit wanita berusia 30 tahun yang didakwa olehnya telah terkena buatan orang. Wanita tersebut telah mendapatkan rawatan di sebuah pusat perawatan Islam di Hulu Terengganu pada 22 November 2020 (Adli Mat Daud, 2020).

Implikasi daripada hal ini sangat besar disebabkan ia termasuk dalam perkara yang dilarang oleh Islam dan mengancam akidah umat Islam. Seseorang Muslim yang mempercayai dan mengamalkan amalan perubatan yang terdapat unsur khurafat (cerita dusta) dan amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam telah melakukan perbuatan yang haram dan berdosa besar. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ ۚ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذًا مِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu).

(Al-Qur'an. Yūnus 10:106)

Malahan, hal ini juga boleh mencemarkan nama Islam, mewujudkan salah faham terhadap agama Islam, menggugat kredibiliti sebagai seorang pengamal penguat Islam dan memberi kesan buruk terhadap hala tuju bidang amalan penguat Islam di Malaysia.

Sehubungan itu, usaha dakwah dalam mengekang perkara ini perlu dititikberatkan kerana perkara ini jelas sebagai salah satu bentuk kemungkaran. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

(Al-Qur'an. Āli-'Imrān 3:104)

Hakikat dakwah itu sendiri sebagai satu seruan atau ajakan melalui sentuhan hati manusia yang sesuai dengan fitrahnya supaya umat Islam menjalani kehidupan selari dengan perintah Allah SWT. Sepertimana Rasulullah SAW menjalankan dakwah dengan mengajak manusia menyembah Allah SWT dan meninggalkan amalan masyarakat jahiliah telah berjaya mencapai matlamat dan tujuannya. Bahkan ajaran Islam telah tersebar dengan sangat cepat keseluruh pelusuk dunia khususnya di tanah Arab pada ketika itu oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan umat Islam terdahulu.

Justeru, pendekatan dakwah yang bersifat *syumul* perlu diusahakan oleh semua pihak khususnya dimulakan oleh pihak berautoriti agar gerak kerja dakwah bersifat

seragam, tersusun dan efektif dalam mendepani isu ini bagi membimbing kehidupan umat Islam ke arah keimanan dan pengamalan cara hidup Islam yang benar khususnya dalam konteks amalan pengobatan Islam.

1.3 Permasalahan Kajian

Fenomena pengamal pengobatan yang menggunakan media sosial sebagai satu platform merawat dan mempromosi kaedah rawatan juga semakin berleluasa pada masa kini. Selain itu, terdapat juga aktiviti perkongsian ilmu berkaitan pengobatan Islam yang dilakukan oleh sebahagian pengamal pengobatan di media sosial. Sebagai contoh, perkongsian berkaitan doa-doa yang boleh dilazimi bagi melindungi diri daripada gangguan makhluk halus seperti jin dan syaitan, menjawab persoalan dan kemusykilan warga internet berkaitan perkara yang dialami seperti mimpi buruk, perkongsian petua-petua yang boleh dilakukan bagi mengatasi masalah seperti sakit kepala, perkongsian ilmu berkaitan kaedah rawatan yang menepati syariat Islam dan sebaliknya dan perkongsian berkaitan isu-isu dalam amalan pengobatan Islam.

Media sosial seperti Facebook, YouTube, WhatsApp, Twitter, Instagram dan lain-lain menjadi salah satu platform utama dalam berkomunikasi pada masa kini. Menurut Kamus Dewan (2005) Edisi keempat, media bermaksud alat atau pengantara dalam komunikasi ataupun perhubungan. Manakala, sosial bermaksud segala hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Oleh itu, media sosial secara mudahnya membawa maksud instrumen sosial dalam berkomunikasi.

Menurut Fauzi dalam Anita Ismail, et al., (2021) menyatakan bahawa internet merupakan salah satu daripada keperluan harian dalam kehidupan setiap individu.

Media sosial memainkan peranan dan tanggungjawab serta amanah yang sangat besar dalam menyebarkan maklumat yang tepat, benar dan berfaedah kepada masyarakat iaitu warga internet.

Kemudahan teknologi masa kini khususnya terhadap penggunaan media sosial memberi banyak kebaikan seperti seseorang mampu mengakses segala maklumat melalui hujung jari dan tanpa sempadan, dijadikan sebagai platform merapatkan hubungan antara rakyat dan rakyat dengan kerajaan (Kamarul Azmi Jasmi, 2018), alat untuk menyampaikan ilmu dan ideologi, platform perniagaan, alat dakwah dan penyebaran maklumat, platform memupuk persahabatan dan platform pendidikan (Anita Ismail, et al., 2021).

Namun begitu, kemudahan ini juga telah disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Setakat suku ketiga tahun 2020, terdapat 48 kes didakwa di mahkamah berkaitan penyalahgunaan media sosial. Sebagaimana laporan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2020 seperti yang berikut:

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998				
Kesalahan	Dibebaskan tanpa dilepaskan	Perbicaraan	Selesai	Jumlah
Seksyen 233 (Penggunaan tidak wajar perkhidmatan rangkaian)	1	15	18	34
PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG LAIN				
Kesalahan	Dibebaskan tanpa dilepaskan	Perbicaraan	Selesai	Jumlah
S.292 Kanun Keseksaan (Memiliki bahan yang lucah)	-	-	5	5
S.385 Kanun Keseksaan (Mendatangkan kepada seseorang ketakutan bencana dengan tujuan hendak melakukan pemerasan)	-	1		1
S.505 (b) Kanun Keseksaan (Kenyataan yang mendatangkan khianat awam)	-		6	6
S.503 Kanun Keseksaan (Kesalahan menakutkan secara jenayah)	-		1	1
Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Memiliki apa-apa pornografi kanak-kanak)	-	1		1
JUMLAH KESELURUHAN	1	17	30	48

Keterangan kesalahan mengenai penyalahgunaan media sosial antara Jan-Sept 2020

Sumber: Laman Sesawang Rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) (2020)

Jadual 1.3: Keterangan Kesalahan Mengenai Penyalahgunaan Media Sosial Antara Januari hingga September 2020

Daripada jumlah 48 tersebut, 34 pertuduhan adalah melibatkan kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998, dengan perbuatan berkongsi atau menyebarkan kandungan lucah mencatatkan angka tertinggi iaitu sebanyak 22 pertuduhan. Diikuti pula dengan kandungan jelic sebanyak sembilan (9) pertuduhan serta kandungan palsu sebanyak tiga (3) pertuduhan.

Manakala 14 pertuduhan yang selebihnya adalah merupakan kesalahan yang dilakukan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, seperti yang diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara berpandukan kepada hasil keterangan yang diperoleh (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2020).

Selain itu, sifat internet yang mudah diakses dan hanya memerlukan masa yang singkat untuk mendapatkan maklumat semakin menambahkan kehairahan dan memberi peluang kepada masyarakat untuk menambah ilmu, mempercayai dan mengamalkan sesuatu maklumat yang didapati melalui media sosial. Oleh itu, hal ini antara faktor bidang pengubatan Islam mendapat sambutan oleh warga internet. Tambahan pula, bidang ini sangat rapat dengan kehidupan dan menjadi satu keperluan dari sudut pengetahuan dan kesihatan khususnya kepada umat Islam.

Berikutan dengan *trend* terkini pengamal-pengamal pengubatan Islam menggunakan nama Islam dengan mempertontonkan proses rawatan secara langsung atau menerusi rakaman video di media sosial semakin berleluasa termasuk memaparkan adegan memanggil jin. Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Wan Salim Wan Mohd Noor mencadangkan agar Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) mengadakan satu mesyuarat bagi memperhalusi *trend* tersebut. Menurut beliau, hal ini perlu diselaraskan di seluruh negara agar tidak disalahgunakan sesetengah pihak di samping usaha mencegah penyebaran rawatan-rawatan yang palsu melalui atas talian. Malahan, pendakwah Ustaz Wan Akashah Wan Abdul Hamid menambah sekiranya *trend* baharu ini tidak dikawal ia dikhuatiri mencemarkan agama apabila kaedah rawatan itu disalah tafsir oleh masyarakat umum (Nazrin Zulkafli, 2022).

Bahkan, menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama, Datuk Idris Ahmad menyeru masyarakat untuk membuat laporan kepada jabatan agama Islam negeri, polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sekiranya terdapat pengamal pengubatan Islam yang menggunakan kaedah perubatan menyalahi syariat dan akidah Islam seperti menggunakan kaedah selain daripada bacaan ayat al-Quran iaitu jampi serapah atau mantera (Wat Kamal Abbas, 2022).

Tambahan pula, sehingga kini masih belum terdapat mana-mana pusat pengubatan Islam yang difatwakan bercanggah dengan Islam melalui rekod daripada pihak berautoriti seperti Jawatankuasa Fatwa, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Pejabat Mufti dan lain-lain agensi yang berkaitan. Sedangkan, isu ini adalah isu yang berterusan dan menjadi isu semasa yang membimbangkan khususnya terhadap kesalahfahaman dan kepercayaan masyarakat Islam yang membawa kepada ancaman akidah.

Justeru, kajian ini memberi penumpuan terhadap kaedah pengawalseliaan yang dilakukan oleh pihak berautoriti kepada pengamal pengubatan Islam yang melakukan amalan penyelewengan khususnya di media sosial. Peranan dan bidang kuasa agensi berkaitan ini akan menzahirkan usaha dakwah mencegah kemungkaran dalam pelbagai pendekatan bagi memenuhi tuntutan *nahy munkar* dalam menjustifikasi kepentingannya untuk mewujudkan dan menyeragamkan pusat pengubatan Islam patuh syariah melalui medium dakwah di Malaysia.

Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Fadzli Adam et al., (2014) bahawa fokus terhadap usaha dakwah dalam aspek kefahaman dan kepercayaan perlu dipergiat memandangkan perkara itu adalah punca kepada pengamalan khurafat iaitu sebahagian besar daripada penyelewengan pengubatan Islam yang masih berleluasa di Malaysia.

Sebagaimana menurut Sayyid al-Qutb (1980), tugas dan fungsi dakwah adalah menyampaikan dan menjelaskan kebenaran Islam (*al-tabligh wa al-bayan*), melakukan perkara-perkara yang baik (*al-a'mr bi al-ma'ruf*) dan meninggalkan perkara-perkara mungkar (*al-nahy al-munkar*) serta memerangi kejahatan melalui perang di jalan Allah (*al-jihād fi sabil Allah*).

1.4 Persoalan Kajian

- 1.4.1 Apakah amalan penyelewengan yang diamalkan oleh pengamal penguat Islam di media sosial?
- 1.4.2 Apakah kaedah pengawalseliaan dalam hal ehwal amalan penguat Islam di Malaysia?
- 1.4.3 Bagaimanakah konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan terhadap pengamal penguat Islam di media sosial?

1.5 Objektif Kajian

- 1.5.1 Mengkaji amalan penyelewengan yang diamalkan oleh pengamal penguat Islam di media sosial.
- 1.5.2 Menjelaskan kaedah pengawalseliaan dalam hal ehwal amalan penguat Islam di Malaysia.
- 1.5.3 Menganalisis konsep dakwah dalam kaedah pengawalseliaan terhadap pengamal penguat Islam di media sosial.

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian dijangka dan diharapkan dapat memberi manfaat kepada bidang ilmu dan pengkaji seterusnya, pengamal penguat Islam, agama dan pendakwah, negara serta masyarakat seperti keterangan berikut:

1.6.1 Bidang Ilmu dan Pengkaji Seterusnya

Kajian ini dapat menyumbang kepada pengetahuan dan perkembangan dalam bidang penyelidikan dakwah berkaitan isu penyelewengan amalan penguat Islam. Konsep tersebut adalah dakwah mencegah kemungkaran sebagai kaedah pengawalseliaan terhadap isu yang berkaitan dengan penyelewengan dalam amalan penguat Islam.

1.6.2 Pengamal Penguat Islam

Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada para pengamal penguat Islam di Malaysia untuk mengamalkan ajaran Islam sebenar dalam kaedah penguat Islam di samping mengikuti garis panduan amalan penguat Islam yang telah ditetapkan. Selain itu, memberi pengetahuan tentang pengawalseliaan dan pihak-pihak berautoriti yang berkaitan amalan penguat Islam. Hal demikian, dapat mewujudkan keseragaman amalan penguat Islam patuh syariah di Malaysia.

1.6.3 Agama dan Pendakwah

Kajian ini penting kepada agama kerana dapat memperluas dan menyumbang pengetahuan khususnya kepada bidang dakwah Islamiah bagi memperkasa gerakan

dakwah di Malaysia. Selain itu, kajian ini diharap dapat menjaga dan memelihara kesucian agama Islam daripada perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam yang membawa kepada penyelewengan akidah. Di samping itu, dapat memelihara agama Islam daripada isu salah faham terhadap agama Islam.

Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan berkaitan pendekatan dakwah dalam bidang pengurusan Islam sebagaimana pengawalseliaan dilakukan oleh pihak berautoriti terhadap pengamal pengubatan Islam di Malaysia.

1.6.4 Negara

Kajian ini mampu menyumbang terutamanya bagi sebuah negara yang majoriti penduduknya terdiri daripada umat Islam yang masih memerlukan dan mengamalkan amalan pengubatan Islam. Sekiranya hal ini dipandang remeh, implikasi yang buruk terhadap akidah akan berlaku dan perkara ini juga akan terus berleluasa.

Selain itu juga, kajian ini diharapkan dapat mewujudkan keseragaman terhadap pengurusan amalan pengubatan Islam oleh pihak berautoriti di peringkat federal. Kajian ini juga penting dalam membentuk negara Islam yang aman dan harmoni dengan mematuhi ajaran Islam yang sebenar. Di samping itu, membantu kearah kemantapan pengawalseliaan dan undang-undang berkaitan amalan pengubatan Islam. Bahkan, mendapat berkat dan rahmat daripada Allah SWT sekiranya mengamalkan amalan pengubatan Islam patuh syariah.

1.6.5 Masyarakat

Kajian ini diharapkan dapat membantu masyarakat awam memahami amalan yang bertentangan dengan Islam dalam sesuatu kaedah pengubatan Islam khususnya kepada yang sukar dan keliru untuk membezakan kaedah pengubatan Islam yang patuh syariah dan sebaliknya. Hal ini kerana, amalan yang bercanggah dengan Islam seperti khurafat dapat dikesan dan dibuktikan secara terperinci melalui kajian yang empirikal dan sistematikal.

Seterusnya, kajian ini akan mendedahkan kepada masyarakat tentang pendekatan dakwah bagi mengajak umat Islam patuh kepada perintah dan suruhan agama. Justeru, pendekatan dakwah yang dikaji ini akan dipraktikkan dalam kehidupan individu bagi memikul tanggungjawab dakwah yang telah diwajibkan bagi setiap Muslim atau pendakwah.

Tambahan pula, kajian ini diharapkan akan memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya warga internet terhadap perkara-perkara yang dilarang dalam Islam dan memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan untuk mendapatkan rawatan dari pusat pengubatan Islam yang bersih daripada amalan-amalan yang bercanggah dengan Islam supaya tidak terjerumus kepada syirik.

1.7 Definisi Operasional

Sub topik ini akan membincangkan tentang definisi atau maksud istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini seperti amalan pengubatan Islam, pusat pengubatan Islam, perubatan Islam, perawat atau pengamal pengubatan Islam, pesakit dan

penyelewengan amalan pengubatan Islam, pakar dan media sosial, sebagaimana yang berikut:

1.7.1 Amalan Pengubatan Islam

Amalan pengubatan Islam menurut Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam 2011 adalah suatu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani oleh seorang perawat Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran atau hadith, amalan *salaf al-soleh*, ulama muktabar atau kesemuanya sekali serta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syarak (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011). Oleh itu, pengkaji mendefinisikan pengubatan Islam dalam kajian ini sebagai amalan pengubatan spiritual Islam yang menggunakan ayat-ayat al-Quran, doa-doa yang diajar oleh Nabi SAW dan kaedah yang mengikut landasan akidah dan syariat Islam.

1.7.2 Pusat Pengubatan Islam

Pusat pengubatan Islam adalah suatu tempat yang menjalankan kegiatan dan perkhidmatan merawat penyakit spiritual yang menjadi tumpuan masyarakat di Malaysia bagi tujuan mencari ikhtiar kesembuhan (Khadher, A. et al., 2013) sepertimana pusat pengubatan Islam yang dimaksudkan dalam kajian ini.

1.7.3 Perubatan Islam

Perubatan Islam adalah perubatan yang tidak terbatas dengan sesuatu masa atau sesuatu tempat dan tidak terbatas kepada mana-mana sistem perubatan tertentu seperti perubatan Rasulullah SAW atau *Tibb al-Nabawī* dan lain-lain perubatan.

Justeru, kaedah perubatan alopati, homeopati dan lain-lain adalah termasuk dalam perubatan Islam sekiranya selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah (Ahmad Najaa', M. et al., 2018). Perubatan Islam dalam kajian ini bermaksud segala kaedah atau teknik perubatan yang terdapat dalam bidang perubatan seperti perubatan konvensional, tradisional dan alternatif yang selari dengan ajaran dan syariat Islam.

1.7.4 Pengamal atau Perawat Pengubatan Islam

Pengamal atau perawat pengubatan Islam yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah seorang individu yang mengamalkan amalan pengubatan Islam bagi menyembuhkan penyakit sama ada spiritual mahupun fizikal yang dihidapi oleh pesakit. Pengamal atau perawat dalam kajian ini pengubatan Islam adalah merujuk kepada pengamal yang menggunakan media sosial.

1.7.5 Pesakit

Pesakit adalah individu yang mengalami penyakit jasmani atau fizikal yang boleh dikenalpasti melalui kaedah perubatan konvensional mahupun penyakit rohani atau spiritual iaitu penyakit yang tidak dapat dipastikan penyebabnya walaupun telah berjumpa dengan pengamal perubatan konvensional seperti kemurungan, perasaan ragu-ragu atau was-was, baran, resah, kerisauan dan lain-lain. Selain itu, penyakit yang berpunca daripada gangguan makhluk halus seperti gangguan jin, saka, sihir dan lain-lain.

1.7.6 Penyelewengan Amalan Pengubatan Islam

Penyelewengan agama dalam kajian ini bermaksud segala amalan yang menyalahi ketiga-tiga aspek penting agama iaitu akidah, syariah dan akhlak yang boleh mengakibatkan syirik dan dosa besar dalam amalan pengubatan Islam.

1.7.7 Pakar

Pakar dalam kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman, pengiktirafan dan kepakaran dalam bidang amalan pengubatan Islam.

1.7.8 Media Sosial

Media sosial dalam kajian ini adalah platform yang digunakan oleh pengamal pengubatan Islam untuk memuat naik video rawatan dan membuat rawatan secara siaran langsung atau 'live' melalui YouTube.

1.8 Rumusan

Sebagai rumusan, bab satu telah menjelaskan tentang latar belakang kajian iaitu pengenalan awal berkaitan dengan isu atau masalah yang ingin diketengahkan oleh pengkaji. Seterusnya, permasalahan kajian yang menerangkan dengan lebih jelas isu kajian berkaitan penyelewengan amalan pengubatan Islam di media sosial. Dalam bab ini juga, terdapat tiga persoalan kajian beserta tiga objektif kajian yang menjadi dasar utama atau tujuan kajian ini. Seterusnya, pengkaji membincangkan sub topik kepentingan kajian dan definisi operasional bagi istilah-istilah utama yang digunakan dalam kajian ini.